

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI GEJALA PONTENG
SEKOLAH: SATU KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
PENGKALAN CHEPA KOTA BHARU, KELANTAN**

Rogis Baker

rogis@upnm.edu.my

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Noor Mazlina Ariffin

mazlinaanilzam@yahoo.com

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Ahmad Azan Ridzuan

azan@upnm.edu.my

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Hasimi Sallehudin

hasimi@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Jessica Ong Hai Liaw

jessica@upnm.edu.my

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Noor Azmi Mohd Zainol

noorazmi@upnm.edu.my

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

ABSTRAK

Gejala ponteng merupakan merupakan isu utama yang sering membelenggu sistem pendidikan negara. Gejala ini juga menjadi penyumbang tertinggi kepada kes-kes salah laku pelajar di Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara tiga faktor utama iaitu sikap pelajar, faktor hubungan keluarga dan faktor persekitaran sekolah dalam mempengaruhi gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar. Seramai 148 pelajar yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat dan tingkat lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa Kota Bharu, Kelantan telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Kajian secara tinjauan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah pengumpulan data melalui instrumen soal selidik yang diedarkan kepada responden. Perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) telah digunakan dalam proses penganalisan data secara deskriptif dan hubungan kolerasi antara pemboleh ubah. Hasil daripada proses penganalisan ini menunjukkan faktor-faktor seperti sikap pelajar, hubungan keluarga dan persekitaran sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar. Pihak sekolah khususnya dan pihak kementerian amnya seharusnya menjadikan faktor-faktor ini sebagai agenda utama dalam merangka program dan aktiviti untuk membendung gejala ini daripada terus membelenggu sistem pendidikan

negara. Malah peranan ibubapa juga tidak terkecuali dalam usaha membendung gejala ini daripada terus berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah.

Kata Kunci : *Sikap, hubungan keluarga, persekitaran, ponteng sekolah*

Pengenalan

Pendidikan merupakan medium yang penting dalam membangunkan modal insan dan pembentukan disiplin pelajar (Veloo & Kim, 2014; Abdul Kalam, 2016; Wulandari, 2018). Peningkatan pelanggaran salah laku disiplin dalam kalangan pelajar dilihat semakin meningkat sejak akhir-akhir ini dan menjadi fenomena yang membimbangkan semua pihak (Abdul Kalam, 2016). Gejala ponteng sekolah merupakan antara isu disiplin dalam kalangan pelajar sekolah yang semakin serius dan membelenggu pendidikan negara (Veloo & Kim, 2014; Nawawi et al., 2017). Kesalahan ponteng sekolah merupakan pelanggaran salah laku pelajar yang sering berlaku di sekolah dan merupakan masalah yang membimbangkan kepada banyak pihak sama ada ibu bapa, pihak sekolah, jabatan mahu pun kementerian (Lontou, 2016). Saban tahun peningkatan gejala ponteng sekolah semakin meningkat dan membimbangkan pihak berwajib (Veloo & Kim, 2014; Abdul Kalam, 2016) Menurut statistik, ponteng sekolah berada di tangga teratas direkodkan dalam salah laku disiplin sepanjang tahun 2017 yang meliputi 1.4 % (67,053 pelajar) daripada lima juta pelajar sekolah rendah dan menengah di Malaysia (Parlimen Malaysia, 2018). Malah berdasarkan kenyataan rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia kepada media menunjukkan sekolah-sekolah di negeri Kelantan tersenarai antara yang tertinggi direkodkan mempunyai masalah disiplin pelajar yang tinggi (New Straits Times, 17 Ogos 2017).

Ponteng sekolah bermaksud ketidakhadiran pelajar untuk menjalani sebarang aktiviti yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah tanpa sebab dan tidak mendapat kebenaran daripada Guru Besar atau Pengetua di mana ianya dikategorikan kepada tidak hadir ke sekolah atau kelas (Veloo & Kim, 2014). Menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kesalahan disiplin ponteng sekolah adalah diukur berlandaskan rekod rasmi kedatangan pelajar ke sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995). Berikutan peningkatan gejala ponteng sekolah yang semakin membimbangkan, pihak KPM telah melaksanakan inisiatif dengan memperkenalkan Sistem Kehadiran Murid (eKehadiran) untuk memantau dan merekodkan ketidakhadiran pelajar dengan lebih sistematik dan berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Gejala ponteng sekolah lazimnya berlaku berpunca daripada faktor rakan sebaya, faktor keluarga, sikap guru, faktor diri sendiri dan kemudahan sekolah (Abd Jamil, 2009; Gase et al, 2016). Kebanyakan pengkaji mengakui bahawa faktor utama yang menyebabkan berlakunya gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar adalah berpunca daripada faktor keluarga (Wulandari, 2018). Namun menurut kajian Veloo dan Kim, (2014), faktor diri pelajar adalah merupakan faktor yang paling kuat memberi kesan terhadap kecenderungan pelajar untuk ponteng sekolah dan diikuti dengan faktor keluarga. Antara punca ketidakhadiran pelajar tidak ke sekolah adalah disebabkan lambat bangun pagi, bimbang lambat hadir ke sekolah, tidak memperolehi surat pengesahan doktor kerana sakit dan tidak dapat menumpukan perhatian semasa sesi pembelajaran di sekolah (Veloo & Kim, 2014).

Tindakan ponteng sekolah banyak memberi kesan negatif kepada diri pelajar dan membuka ruang kepada perilaku negatif yang lain seperti merokok, penyalahgunaan dadah, buli dan

sebagainya. Malah tindakan ponteng sekolah juga akan menyebabkan masalah terhadap kualiti pembelajaran, keciciran dan kegagalan dalam peperiksaan di sekolah (Neelam, 2013). Akibat daripada keciciran daripada pembelajaran di sekolah akan menyebabkan pelajar sukar mencari pekerjaan dan akan meningkatkan kadar pengangguran dalam negara (Levin et al., 2007; Sum et al., 2009). Pelajar yang kerap ponteng sekolah sering mempamerkan prestasi pembelajaran yang lemah serta memiliki keyakinan diri dan cita-cita yang lemah (McCray, 2006).

Nawawi et al., (2017) telah mengaitkan Teori Pelaziman Emosi dan Teori Pembelajaran Sosial dengan gejala ponteng sekolah. Berdasarkan Teori Pelaziman Emosi, pelajar akan bertindak balas dengan emosi takut apabila melihat guru disiplin mengenakan hukuman kepada pelajar yang ponteng sekolah. Kesan daripada emosi takut tersebut akan menyebabkan pelajar enggan hadir ke sekolah kerana takut berhadapan dengan guru disiplin (Velloo & Kim, 2014). Hal ini akan menyebabkan kegagalan individu dalam mengawal emosi diri akan menyebabkan mereka bertindak balas secara negatif dengan persekitaran (Baker, 2010). Manakala Teori Pembelajaran Sosial pula adalah proses pembelajaran daripada pemerhatian dan menjadikan seseorang sebagai model tingkahlaku di mana faktor persekitaran dan orang lain mempengaruhi tingkah laku (Bandura & Walters, 1977). Menurut Bandura dan Walters (1977), antara faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku pelajar adalah kelakuan diri sendiri, persekitaran dan interaksi kognitif. Berlandaskan teori ini, ponteng sekolah, membuli dan melepak merupakan kelakuan yang dapat dikawal melalui ganjaran serta peneguhan luaran. Kelakuan seperti ponteng kelas, membuli, melepak dikategorikan sebagai kelakuan agresif remaja yang menunjukkan mereka sedang memprotes mengenai ketidakpuasan hati terhadap sesuatu perkara (Bandura & Walters, 1977).

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara faktor-faktor seperti sikap, keluarga dan persekitaran sekolah terhadap hubungan signifikan dengan gejala ponteng sekolah. Kajian lepas telah menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti sikap, keluarga dan persekitaran sekolah mempunyai hubungan signifikan dengan gejala ponteng sekolah (Velloo & Kim, 2014; Abdul Kalam, 2016; Nawawi et al., 2017; Wulandari, 2018). Oleh yang demikian, hipotesis kajian yang diuji dalam kajian ini adalah:

- H1: Terdapat hubungan signifikan antara sikap pelajar dengan ponteng sekolah dalam kalangan pelajar.
- H2: Terdapat hubungan signifikan antara hubungan keluarga dengan ponteng sekolah dalam kalangan pelajar.
- H3: Terdapat hubungan signifikan antara persekitaran sekolah dengan ponteng sekolah dalam kalangan pelajar.

Metodologi

Kajian tinjauan ini adalah melibatkan responden yang terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa Kota Bharu, Kelantan (SMKPC) dengan populasi seramai 1914 pelajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana sebanyak 240 set soal selidik telah diedarkan kepada responden kajian yang melibatkan pelajar tingkatan empat dan lima yang menuntut di SMKPC. Kaedah kuantitatif ini memberi kelebihan dalam pengumpulan maklumat yang banyak dalam satu masa, melibatkan kos yang rendah dan mudah dikendalikan (Hofstede et al., 1990; Creswell, 2008). Kajian ini menggunakan Persampelan Rawak Mudah sebagai kaedah persampelan. Sebanyak 148 set soal selidik telah dikembalikan oleh responden dengan kadar maklumbalas responden adalah 62%.

Instrumen soal selidik yang digunakan untuk mendapatkan data dalam kajian ini adalah daripada soal selidik How dan Yahaya (2007) melalui pengukuran skala Likert lima mata. Hasil analisis kebolehpercayaan instrumen kajian ini mendapati nilai kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi iaitu nilai Clobach Alpha adalah sikap pelajar (0.76), hubungan keluarga (0.83), persekitaran sekolah (0.81) dan gejala ponteng (0.82).

Perbincangan

Berdasarkan Jadual 1, seramai 148 responden telah terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 56 pelajar lelaki (37.8%) dan 92 pelajar perempuan (62.2%). Keseluruhan responden adalah terdiri daripada pelajar yang sedang menduduki tingkatan empat (74 pelajar: 50%) dan tingkatan lima (74 pelajar: 50%) serta mereka adalah majoriti berbangsa Melayu (147 pelajar: 99.3%). Seramai 134 (91%) responden adalah terdiri daripada keluarga berpendapatan B40 iaitu golongan berpendapatan seisi rumah dengan purata pendapatan bulanan di bawah RM4000. Manakala hampir 74 (50%) responden datang daripada keluarga yang dikategorikan sebagai golongan berpendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) di bawah RM1000.

Jadual 1. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Umur, Jantina, Bangsa, Bil Adik-beradik, Pendapatan Keluarga dan Aliran

Item	Perkara	Kekerapan	Peratusan(%)
Jantina	Lelaki	56	37.8
	Perempuan	92	62.2
Umur	16 Tahun	74	50
	17 Tahun	74	50
Bangsa	Melayu	147	99.3
	Cina	-	-
	India	-	-
	Lain-lain	1	0.7
Bil. Adik-beradik	≤ 4 Orang	75	50.7
	5-7 Orang	55	37.2
	8-10 Orang	4	9.5
	11-13 Orang	3	2.0
	≥ 14 Orang	1	0.7
Pendapatan keluarga	≤ RM500	15	1.1
	RM501-RM1000	59	39.9
	RM1001-RM2000	35	23.6
	RM2001-RM4000	25	16.9
	≥RM4001	14	9.5
Aliran	Sains Tulen	33	22.3
	Ekonomi	13	8.8

Perdagangan	17	11.5
Akaun	14	9.5
Reka Cipta	3	2.0
Sastera	46	31.1
Ekonomi Rumah Tangga	1	0.7
Lain-lain	21	14.2

Manakala Jadual 2 pula menunjukkan keputusan pengujian hipotesis bagi H_1 , H_2 dan H_3 . Hasil analisis mengesahkan bahawa faktor sikap positif pelajar ($r = -.28, p < .01$), hubungan keluarga ($r = -.25, p < .01$) dan persekitaran sekolah ($r = -.25, p < .01$) mempunyai hubungan signifikan negatif dengan niat pelajar untuk ponteng sekolah.

Jadual 2. Nilai kolerasi Pearson antara pemboleh ubah faktor-faktor yang mempengaruhi ponteng sekolah

Pemboleh ubah	Hubungan Keluarga	Persekitaran Sekolah	Ponteng Sekolah
Sikap Pelajar	.30**	.36**	-.28**
Hubungan Keluarga		.55**	-.25**
Persekitaran Sekolah			-.25**

$p > .05, *p < .05, **p < .01$ (2-tailed)

Keputusan pengujian ketiga-tiga hipotesis ini menunjukkan semakin tinggi sikap positif, hubungan keluarga dan persekitaran sekolah yang baik akan mengurangkan niat dan dorongan pelajar ke arah ponteng sekolah.

Kesimpulan

Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian-kajian lepas yang menunjukkan faktor-faktor seperti sikap, hubungan keluarga dan persekitaran sekolah mempengaruhi gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar (Velloo & Kim, 2014; Abdul Kalam, 2016; Nawawi et al., 2017; Wulandari, 2018). Pengaruh daripada gejala ponteng sekolah telah memberi kesan yang kuat terhadap penglibatan pelajar sekolah dengan gejala ponteng yang didapati daripada hasil kajian yang telah dianalisis. Ketiga-tiga faktor yang dikemukakan memberi kesan yang signifikan dengan gejala ponteng. Hal ini terbukti apabila responden bersetuju dengan penglibatan pelajar sekolah terhadap gejala ponteng yang disebabkan sikap pelajar, faktor hubungan keluarga dan faktor persekitaran sekolah.

Oleh yang demikian, semua pihak termasuk ibu bapa, pihak sekolah, pihak kerajaan dengan kerjasama agensi luar perlu berganding bahu ke arah menangani isu salah laku ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah. Antara pendekatan dan program yang boleh dilaksanakan adalah mengadakan sesi kaunseling, kolaborasi antara pihak polis, ibu bapa dan pihak sekolah, kekerapan perjumpaan antara ibu bapa dan guru.

Rujukan

- Abd. Jamil, S. (2009). *Mengenal pasti punca-punca masalah ponteng di kalangan pelajar sekolah rendah: Satu kajian kes*. Tesis Sarjana (*Masters thesis*), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Kalam, H. B. (2016). *Pengaruh persekitaran sosial terhadap tingkah laku disiplin murid sekolah rendah di Klang, Selangor, Malaysia*. Tesis Sarjana Sains. Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia.
- Baker, R. (2010). *Hubungan antara kecerdasan emosi dan komitmen pekerja: kajian di kalangan pegawai polis*. Tesis Sarjana Sains, Universiti Malaysia Sarawak.
- Bandura, A., & Walters, R. H. (1977). *Social learning theory (Vol. 1)*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-hall.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. 3rd Ed. New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall Pearson Education International
- Gase, L. N., Defosset, A., Perry, R., & Kuo, T. (2016). Youts' perspectives on the reasons underlying school truancy and opportunities to improve school attendance. *The Qualitative Report*, 21(2), 299–320.
- Hofstede, G., Neuijen, B., Ohayv, D. D., & Sanders, G. (1990). Measuring organizational cultures: A qualitative and quantitative study across twenty cases. *Administrative Science Quarterly*, 35, 286-316.
- How, L. C., & Yahaya, A. (2007). *Faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng di kalangan pelajar sekolah menengah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia. (1995). *Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 Tahun 1995*. Jabatan Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2019*. Jabatan Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Levin, H., Belfield, C., Muenning, P. & Rouse, C. (2007). *The cost and benefits of an excellent education for all of America's children*. New York: Teachers College Press.
- Lontou, T. N. (2016). *Pengaruh faktor persekitaran terhadap sikap ponteng sekolah dalam kalangan murid daerah Penampang, Sabah*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah
- McCray, E. D. (2006). *It's 10 a.m.: Do you know where your children are? The persisting issue of school truancy*. *Intervention in school and clinic*, 42 (1), 30-33.
- Nawawi, A. M., Mohd, A., Saad, N. M., Baharuddin, J., & Ismail, S. N. (2017). Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan tahap ponteng sekolah menengah di Daerah Bachok, Kelantan. *Proceeding of ICECRS*, 1 (2016) 341-358. In *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Neelam, C.G. (2013). A study of the factors leading to truancy among adolescent students in district Faridabad. *Journal of Research & Method in Education*, 1 (6), 13-19.
- New Straits Times (17 Ogos 2017). *Revealed: Full list of 402 Malaysian schools with disciplinary, drug issues*. [Online]: <https://www.nst.com.my/news/nation/2017/08/>

- 268913/revealed-full-list-402-malaysian-schools-disciplinary-drug-issues (akses pada 08 Mac 2020).
- Parlimen Malaysia. (2018). *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Bil. 11 (21 Mac 2018)*. Parlimen Ketiga Belas Penggal Keenam, Mesyuarat Pertama. [Online]: <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-21032018.pdf>. (akses pada 02 Mac 2020).
- Sum, A., Khatiwada, I., McLaughlin, J., & Palma, S. (2009). The consequences of dropping out of high school. *Center for Labor Market Studies Publications*, 23.
- Veloo, A., & Kim, N. C. (2014). Jenis Amaran dan Faktor Ponteng Sekolah dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Sabah. *Asia Pacific Journal Of Educators And Education*, 29, 125-139.
- Wulandari, D. (2018). *Hubungan gaya asuhan ibu bapa terhadap gejala ponteng sekolah menengah atas di Bandar Malang Indonesia*. Tesis Sarjana Pendidikan, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia.